

04 AUG 1999

Mahathir-Benar

IMAM PERLU SEBAR PERKARA YANG BENAR, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan golongan Imam supaya menyebarkan perkara yang benar kerana ini dapat mewujudkan suasana tenteram dalam negara selain merapatkan hubungan sesama saudara seagama.

Katanya sebagai golongan yang berpengaruh dalam masyarakat, berasaskan pengetahuan agama, Imam mesti mempengaruhi keadaan dengan cara yang baik.

"Kita tidak hendak pengaruhi orang dengan kata-kata yang tak berasas, pembohongan, fitnah dan sebagainya kerana itu semua ditegah agama," katanya ketika mengadakan perjumpaan dengan kira-kira 200 Imam dan pegawai masjid dari daerah Kubang Pasu, di sini.

Dr Mahathir berkata banyak nikmat dapat diperolehi semua pihak daripada sebuah masyarakat yang aman dan tenteram.

Beliau juga menerangkan dengan panjang lebar tentang projek pembangunan Putrajaya termasuk Masjid Putra dan kediaman rasmi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata walaupun kediaman Perdana Menteri itu nampak besar sehingga dipanggil istana atau mahligai oleh sesetengah pihak, bangunan itu, sepertimana bangunan lain di Putrajaya, ada kegunaannya dan tidak boleh dianggap sebagai pembaziran.

Putrajaya yang menempatkan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru termasuk Jabatan Perdana Menteri (JPM), dicap pembangkang sebagai projek mega yang tidak perlu malahan membazir.

Menurut Dr Mahathir pelbagai bangunan cantik dan tersergam yang dibina, adalah seiringan dengan status Putrajaya sebagai sebuah ibu kota pentadbiran yang didirikan untuk jangka panjang bagi kepentingan rakyat dan negara.

Menyentuh Masjid Putra yang dapat menampung sehingga 26,000 jemaah berdekatan JPM, beliau berkata ia melambangkan kemajuan orang Islam di Malaysia yang mampu menyediakan tempat ibadat yang sempurna seperti di kebanyakan negara Arab.

Dr Mahathir berkata orang bukan Islam juga boleh melawat masjid berkenaan dan ini boleh membantu mengeratkan hubungan antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Saya senang hati kerana Putrajaya mempunyai kemudahan yang cukup, hendak bekerja boleh, hendak beribadat pun senang," katanya.

Beliau turut bersolat Zohor dan makan tengah hari bersama para Imam dan pegawai masjid berkenaan.

-- BERNAMA

MAM RON